

Headline	Caj elektrik ikut sektor FOMCA		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	01 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Nasional	Page No	8
ArticleSize	139 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,314		



Caj elektrik ikut sektor: FOMCA

Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mahu kerajaan mengenakan caj elektrik pada waktu puncak dan bukan puncak, mengikut sektor.

Pengarah Komunikasinya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata penggunaan elektrik pada waktu puncak dan bukan puncak adalah berbeza di antara pengguna domestik dan industri serta pejabat.

“Contohnya, waktu puncak penggunaan elektrik pengguna domestik ialah pada sebelah malam dan bukan waktu puncak pada sebelah siang. Bagi industri dan pejabat pula, waktu puncak mereka ialah sebelah siang, bukan malam.

Kaedah berkesan

“Jika kerajaan tidak mengenakan caj elektrik pada waktu puncak dan bukan puncak mengikut sektor, pengguna domestik akan lebih untung kerana lebih ramai menggunakan elektrik pada sebelah malam,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Beliau mengulas laporan bahawa kerajaan sedang mengkaji cadangan untuk memperkenalkan caj elektrik pengguna domestik pada dua peringkat harga iaitu penggunaan pada waktu puncak dan bukan puncak.

Ia memetik Ketua Eksekutif MyPOWER Corpo-

ration, Datuk Abdul Razak Abdul Majid, yang berkata cadangan itu adalah antara inisiatif pembaharuan sedang dibincangkan di antara Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga

Nasional Bhd (TNB) bagi menjamin penggunaan tenaga secara lebih cekap pada masa panjang.

Mohd Yusof menyifatkan cadangan untuk memperkenalkan dua caj elektrik adalah langkah baik untuk mendidik pengguna supaya menggunakan elektrik dengan cekap sama seperti yang diperkatakan Abdul Razak.

“Bagaimanapun, kerajaan perlu memperhalusi perkara ini sebelum melaksanakan caj elektrik pada masa depan,” katanya.

